

**Abdullah Nafi Laporan Akhbar Australia Mengenai Cubaan Rasuah
Bernama
05 Julai, 2011**

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Tun Abdullah Ahmad Badawi Selasa menafikan dakwaan mengenai percubaan rasuah ketika beliau menjadi perdana menteri dan menteri kewangan pada 2003 sebagaimana dilaporkan oleh sebuah akhbar Australia.

"Tidak ada kebenaran langsung dalam dakwaan itu dan saya tidak ingat tentang ada orang menemui saya dengan sebarang tawaran.

"Jika betul ada, sudah tentu saya segera membuat laporan kepada pihak berkuasa termasuk polis untuk tindakan susulan yang perlu," kata Abdullah dalam satu kenyataan di sini.

Akhbar The Age melaporkan hari ini bahawa sebuah firma cetak wang kertas disyaki cuba merasuah Abdullah bagi menolongnya mendapatkan kontrak mata wang \$31 juta.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).
Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=599252>